

24/02/1999

D-8 majukan industri pesawat

KUALA LUMPUR, Selasa - Kumpulan lapan negara-negara Islam membangun (D-8) berjaya memajukan industri pesawat ringan prototaip bagi kegunaan pertanian.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata projek yang dirancang dan menjadi kenyataan dalam tempoh satu setengah tahun itu, akan mengadakan penerbangan ujian pertama September tahun ini.

"Ia adalah satu projek D-8 yang konkrit dan dapat dicapai dalam tempoh satu setengah tahun. Ia dijadual memulakan penerbangan ujian pertama pada September tahun ini."

"Syarikat berkaitan industri pesawat dan penerbangan di Malaysia menjadi pembekal komponen dan alat ganti, termasuk tayar, rangka dan avionik pesawat," katanya dalam satu taklimat mengenai perkembangan D-8 di Wisma Putra hari ini.

Taklimat itu diadakan sempena Sidang Kemuncak D-8 di Dhaka, Bangladesh, selama dua hari bermula 1 Mac ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menjadi antara pemimpin perintis penubuhan D-8, juga dijadual hadir di mesyuarat berkenaan. Syed Hamid juga dijadual bertolak ke Dhaka Jumaat ini bagi menghadiri mesyuarat peringkat menteri.

Sidang Kemuncak D-8 pertama diadakan di Istanbul, Turki pada Jun 1997. Antara rasional utama penubuhannya ialah membentuk kumpulan kecil dan bersepadu untuk mencari menyelesaikan masalah dan halangan dalam usaha memperluaskan kerjasama ekonomi negara anggota.

Ia juga bertujuan memberi tumpuan kepada projek khusus yang praktikal dan mampu dilaksanakan, di samping menjadi forum bagi bertukar-tukar pandangan dan pengalaman.

Projek yang dipilih untuk dilaksanakan itu harus memberi manfaat kepada seluruh negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Selain itu, Malaysia sebelum ini diberi tanggungjawab untuk mengembangkan sektor perbankan dan kewangan Islam dengan penekanan kepada insurans atau takaful Islam.

Kini, Malaysia sekali lagi dipertanggungjawabkan untuk membentangkan kertas projek mengenai `re-takaful`.

Syed Hamid menjelaskan, sidang kemuncak kali ini akan memberi tumpuan kepada perkembangan ekonomi sejagat, pelbagai aktiviti dan projek D-8 serta usaha mencari projek baru.

(END)